

PROJEK MINI KEBUN ISTIMEWA BERSAMA ANAK – ANAK ISTIMEWA SEKOLAH KEBANGSAAN TABUAN HILIR

Qayyim Hafizuddin Qalam Hamidy

Pada 7 Mei 2024, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan projek komuniti yang dinamakan Projek Mini Kebun Istimewa yang dijalankan berteraskan kepada Service-Learning Malaysia – University for Society (SULAM) for Smart Technology in Nursery Management yang dimulakan dengan tahap 1 (AT2202A) bertempat di Sekolah Kebangsaan Tabuan Hilir, Kuching.

Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk membolehkan pengetahuan yang dipelajari secara teori di bilik kuliah dapat dipraktikkan melalui program khidmat komuniti yang melibatkan penyertaan seramai 62 orang terdiri daripada anak – anak Istimewa di bawah program khas integrasi (PPKI), barisan guru dan ibubapa di Sekolah Kebangsaan Tabuan Hilir. Projek ini turut berpotensi sebagai satu wadah untuk memperkenalkan dan memupuk minat anak-anak istimewa dengan aktiviti pertanian seawal di bangku sekolah sekaligus menjadi titik permulaan guru sekolah untuk membawa pelajar mereka untuk terlibat secara aktif dengan aktiviti di luar bilik darjah.

Antara pengisian projek ini ialah aktiviti penyediaan tapak, penanaman dan dekorasi untuk menanam sayur-sayuran dan herba tempatan terpilih di dalam perkarangan sekolah tersebut. Antara sayur – sayuran tempatan yang ditanam seperti bayam, sawi, timun, kacang panjang, kacang bendi, terung, limau termasuk herba tempatan seperti daun sup dan bawang.



Projek ini bermula pada pukul 8.00 pagi dan telah dirasmikan oleh Dr Sharifah Mazenah Wan Yusuf, pensyarah kursus yang turut merangkap penasihat projek. Dr Sharifah Mazenah berpendapat bahawa melalui projek ini, ia dapat menyemai minat anak-anak Istimewa ini dalam aktiviti pertanian sekaligus mengenalpasti potensi mereka dalam bidang tersebut. Turut terlibat di dalam fasa pertama ini adalah Profesor Madya Ts. Dr Abdul Rahman Salli, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perladangan dan Agroteknologi dan Puan Zubaidah binti Yusop, pensyarah Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Sarawak. Program ini dibahagikan kepada fasa pertama dan kedua di mana fasa kedua diadakan pada bulan Jun 2024 yang lebih memberi fokus kepada penjagaan tanaman.

Secara keseluruhannya, projek ini telah mencapai objektif dan diharapkan ianya dapat diteruskan malah diperluaskan ke sekolah yang lain kerana terbukti dapat memberi impak positif terhadap pengembangan bakat melalui pemindahan pengetahuan dan kepakaran terutama kepada anak – anak Istimewa untuk kemandirian hidup mereka di masa hadapan.

